

Newspaper	Berita Harian
Date	21/11/2011

'Rancang serang Iraq sejak 1998'

Tribunal dakwa Amerika, Britain guna isu senjata WMD tukar rejim Saddam

Oleh Lum Chee Hong
lumch@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur yang membicarakan bekas Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush dan bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair, semalam diberitahu AS sudah mempunyai rancangan awal untuk menyerang Iraq ketika pentadbiran Presiden Bill Clinton pada 1998, lima tahun sebelum peperangan sebenar dilancarkan.

Dalam hujahnya, Ketua Pendakwa, Prof Gurdial S Nijar memberitahu tribunal itu pentadbiran Clinton sudah mempunyai niat untuk melancarkan perang dengan menggubal Akta Liberalisasi Iraq 1998 bagi menukar rejim Saddam Hussein atas alasan untuk mengakhiri ancamannya di rantau itu.

Katanya, walaupun pelan itu ada kaitan dengan alasan untuk menjaga kepentingan rantau, ia lebih kepada isu minyak dan menguasai kepentingan strategik di rantau berkenaan yang turut membabitkan dasar mereka terhadap Israel.

Selain itu, beliau berkata, AS dan Britain juga menggunakan alasan senjata pemusnah besar-besaran (WMD) dimiliki Iraq, padahal sudah terbukti dan diakui mereka sendiri tiada senjata sedemikian di negara berkenaan.

Perbicaraan selama empat hari bermula kelmarin dijalankan di hadapan lima hakim diketuai bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Kadir Sulaiman, selain bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Tunku Sofiah Jawa, Profesor Salleh Buang, Alfred L Webre, Prof Emeritus Datuk Shad Saleem Faruq.

Bush dan Blair dituduh melakukan jenayah terhadap keamanan, di mana kedua-dua mereka didakwa bertanggungjawab untuk merancang, menyerang dan menakluk se-



GURDIAL SINGH berhujah pada perbicaraan Tribunal Jenayah Perang kes perbicaraan bekas Presiden Amerika Syarikat George W Bush dan bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair di ibu negara, semalam sambil diperhatikan Dr Mahathir.

Walaupun pelan itu ada kaitan dengan alasan kepentingan rantau, ia lebih kepada isu minyak dan menguasai kepentingan strategik di rantau berkenaan yang turut membabitkan dasar mereka terhadap Israel

Prof Gurdial S Nijar
Ketua Pendakwa Tribunal Jenayah Perang

buah negara berdaulat iaitu Iraq pada 19 Mac 2003, yang turut menyalahi undang-undang antarabangsa dan mencabuli piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Bush juga didakwa melakukan penyiksaan, layanan kejam, menjatuhkan maruah dan tidak berperikemanusiaan terhadap mangsa, serta melanggar konvensyen dan undang-undang antarabangsa.

Gurdial juga mendakwa pentadbiran Britain menggunakan maklumat risikan keselamatan yang salah berdasarkan tesis seorang pelajar doktor falsafah kononnya Saddam cuba mendapatkan uranium dari Niger untuk menghasilkan WMD.

"Jelas laporan itu adalah tidak benar kerana ia diperoleh daripada

dokumen salah, selain duta yang dihantar AS untuk menyiasat perkara berkenaan mendapati tiada bukti berhubungnya," katanya.

Sementara itu, Gurdial yang ditemui selepas perbicaraan berharap hasil perbicaraan itu dapat mengheret kedua-dua tertuduh ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) untuk dibicarakan bagi jenayah perang.

Hingga Mei 2011, seramai 1.4 juta rakyat Iraq, 4,770 tentera AS dan 2,445 anggota tentera negara bersekutu lain terkorban akibat tindakan Bush dan Blair menyerang Iraq.

Bekas Perdana Menteri yang juga Presiden Keamanan Global Perdana (PGPF), Tun Dr Mahathir Mohamad turut hadir mendengar perbicaraan itu semalam. Perbicaraan bersambung hari ini.